

# APEC disarankan kekalkan identiti

15 DEC 1993

overseas hiips.

**N**EW DELHI 14 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini membuat saranan supaya APEC mengekalkan identitinya yang asal sebagai forum perundingan tidak rasmi negara-negara rantau Asia-Pasifik.

"APEC tidak harus dijadikan kumpulan rasmi dengan rangka organisasi yang mempunyai sekretariat dan digunakan oleh pihak-pihak tertentu," katanya menjawab soalan para usahawan India di sini tengah hari ini.

Dr. Mahathir yang menjadi tetamu majlis makan tengah hari yang dianjurkan oleh Konfederasi Industri India (CII) dan dihadiri oleh usahawan terkenal Malaysia dan India memberitahu sesi dialog itu bahawa APEC dipergunakan oleh pelbagai pihak untuk kepentingan mereka.

Katanya, dengan kehadiran negara-negara seperti



Amerika Syarikat dalam APEC maka suara negara-negara kecil akan hilang dan kerana itulah kita tidak hadir di sidang itu. Malaysia diwakili oleh Rafidah Aziz di persidangan itu di Seattle, Amerika Syarikat baru-baru ini.

Beliau memberitahu sesi dialog yang beberapa kali diberi tepukan oleh hadirin bahawa kelahiran APEC diinisiatifkan oleh Amerika Syarikat selepas persidangan G-7 negara-negara maju.

APEC harus kembali ke matlamat asal sebagai kumpulan perundingan de-

ngan berorientasikan projek-projek, tambahnya.

Dr. Mahathir menyatakan negara-negara seperti Amerika juga menolak EAEC yang diinisiatif oleh Malaysia dan ASEAN sebagai kumpulan perundingan untuk membolehkan negara-negara Asia Timur menyatakan suara mereka dalam forum antarabangsa dengan lebih lantang mengenai dasar-dasar perdagangan negara-negara maju.

"Ada pihak menggunakan APEC untuk mengim-bangi EC dan kita tidak

mahu dijadikan sebahagian dari itu dan kita mempunyai hubungan perdagangan dengan EC," tegasnya.

Dr. Mahathir menarik perhatian betapa perlunya negara Selatan-Selatan mengubah haluan perdagangan mereka di kalangan negara Selatan-Selatan dari perdagangan dengan negara metropolitan semata-mata.

"Kenapa negara-negara ini berdagang dengan Selatan-Selatan, kerana mereka mendapat keuntungan darinya, kenapa kita tidak berdagang di antara kita dan mendapat faedah darinya," tambahnya.

Kalau kerjasama berlaku dan sebagai contoh antara Malaysia dan India dalam industri pengeluaran kereta, maka bukan mustahil satu hari nanti kereta hasil kerjasama Proton Malaysia dan Maruti India akan berada di lebuhraya negara Eropah.— *Utusan*.